

aab

Mahathir - Air

PELABUHAN KLANG, 10 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengkaji kemungkinan meletakkan urusan bekalan air di bawah kuasa kerajaan pusat tetapi menolak cadangan mengadakan loji menyuling air laut.

Loji seperti itu terlalu mahal, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas lawatan tiga jam ke Pertunjukan Bot Malaysia yang pertama di sini.

Mengenai kemungkinan bekalan air diuruskan oleh kerajaan pusat, beliau berkata beberapa kerajaan negeri tidak begitu berminat.

Kerajaan ingin memastikan semua negeri mendapat bekalan air mencukupi tetapi kata beliau, yang menjadi masalah ialah bekalan air dikuasai oleh kerajaan negeri.

+Terdapat sesetengah negeri mempunyai banyak air tetapi sedikit penduduk manakala sesetengah lagi ramai penduduk tetapi kurang air dan sukar bagi kita membekalkan air kepada negeri yang kekurangan air kerana ia terpaksa diminta dari negeri lain (yang banyak air),+ kata beliau. -- Lagi

♥10/03/15-41MST

CNS2259

U GB 10-03 00131 BA958

aab

Mahathir - Air 2 Pelabuhan Klang

Perdana Menteri berkata, bekalan air tidak menghasilkan keuntungan yang banyak memandangkan ia merupakan bekalan asas.

+Kebanyakan kerajaan negeri telah membuat pinjaman yang banyak untuk menyediakan bekalan itu. Tidak mungkin mereka mendapat keuntungan yang cukup untuk membayar balik pinjaman itu,+ katanya.

Menurutnya, memandangkan pelaburan yang bertambah, kerajaan perlu mempertingkatkan infrastruktur untuk menambah bekalan air tetapi masalahnya ialah kerajaan perlu mempunyai kewangan mencukupi.

+Jika kita menumpukan perhatian kepada bekalan air, bidang lain terpaksa kita tinggalkan, oleh itu kita perlu membuat pilihan daripada segi keutamaan kita.

+Bagi kerajaan, pelaburan dalam bekalan air merupakan pelaburan untuk membangunkan negara, oleh itu kita mesti sanggup bersabar dengan keperluan lain-lain supaya kita mendapat cukup bekalan air,+ katanya. -- Lagi

♥10/03/15-41MST

CNS2260

U GB 10-03 00151 BA959

aab

Mahathir - Air 3 Pelabuhan Klang

Beliau juga berkata, belum terdapat laporan pelaburan asing di negara ini terjejas disebabkan kekurangan air kerana bekalan yang ada masih mencukupi.

Mengenai siasatan kerajaan negeri Melaka mengenai punca kehilangan air secara tiba-tiba dari Empangan Durian Tunggal, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau telah menerima laporan mengenai hasil siasatan itu daripada Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik dan akan membincangkannya dalam mesyuarat kabinet Rabu ini sebelum apa-apa keputusan diambil.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri di Kelab Pelayaran DiRaja Selangor (RSYC) disambut oleh Raja Muda Selangor, Tengku Idris Shah, Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dan Komodor RSYC Encik Johan Ariff.

Selain melawat gerai pameran, Perdana Menteri juga melepaskan perlumbaan sampan layar yang disertai oleh kira-kira 30 kanak-kanak di samping meninjau beberapa jenis bot yang berlabuh di situ. -- Bernama

♥10/03/15-42MST